



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

## Tekad kuat antara sifat positif Sheik

Berita Harian, 14 April 2000, Page 29

Article also available on Microfilm Reel NL21860

Printer-Friendly Page

# Tekad kuat antara sifat positif Sheik

Isteri lahir  
pandangan  
di sebalik  
kejayaan pesilat

**ANUGERAH SUKAN SINGAPURA** OLEH

YUSOFF A. RAHMAN

SELEPAS 11 kemenangan sebagai pesilat termasuk dua gelaran johan dunia, kini Sheik Alaudin Yacoob pula meraih kejayaan sebagai jurulatih.

Tetapi, apakah ciri-ciri kekuatan Sheik yang selalu membawa kejayaannya dalam arena silat termasuk memenangi Anugerah Jurulatih Terbaik 1999, dari kaca mata isterinya, Sa'diah Sanusi?

"Sebenarnya, Sheik adalah orang yang mempunyai tekad kuat. Jika beliau ingin melakukan sesuatu, beliau akan terus berusaha mencapai matlamatnya itu," demikian Sa'diah, yang bertugas sebagai Penolong Arkitek, menilai antara kualiti suaminya.

"Selain itu, Sheik jarang putus asa. Beliau akan mencuba sehingga berjaya.

"Tetapi, kalau tidak berjaya, beliau tidak pula mudah putus asa. Beliau selalu berpendapat kegagalan sebagai satu cabaran. Ini akan mendorong beliau terus mencuba lagi sehingga berjaya," Sa'diah menjelaskan.

Antara contohnya termasuk kejayaan Sheik memungut pingat emas dalam Sukan SEA Brunei

1999 setelah gagal dalam pertandingan akhir Sukan SEA Jakarta dua tahun sebelum itu.

Ditanya tidakkah beliau terkejut dengan kejayaan suaminya memenangi Anugerah Jurulatih Terbaik?

"Terkejut tetapi gembira kerana saya juga menaruh keyakinan Sheik boleh menang kerana pencapaian silat dalam Sukan SEA Brunei begitu membanggakan," kata Sa'diah, ibu kepada empat orang anak.

Silat telah membolot tiga pingat emas, dua perak dan lapan gangsa dalam Sukan SEA Brunei.

Sa'diah kemudian mengakui bahawa gara-gara kejayaan suaminya itu, kini terdapat antara anak-anaknya itu yang menunjukkan minat dalam sukan ini seperti Nur Shafiqah dan Sheik Farhan.

Sementara itu, Sheik mengakui isterinya adalah tunggak kejayaannya dalam silat.

"Beliau memberikan sokongan 100 peratus kepada pembabitannya saya dalam silat," jelas Sheik tanpa ragu-ragu.

Sebagai contoh, ujarnya, isterinya yang selalu membantunya melakukan kerja-kerja pentadbiran dan juga mengatur jadual kegiatan hariannya.

"Beliau juga menjadi penasihat saya. Pendek kata, beliau menyokong saya sepenuhnya. Tidak kurang pentingnya, beliau sanggup berkorban untuk keluarga demi pembabitannya saya dalam silat," Sheik memberitahu.